

**PERNYATAAN / KESEPAKATAN BERSAMA  
Perbincangan Meja Bulat Dua Hala Ilmuwan  
Indonesia dan Malaysia**

Anjuran  
MAJLIS PROFESOR NEGARA (MPN – Malaysia) &  
UNIVERSITAS ISLAM RIAU

Tema  
“**Darurat Kabut Asap:**  
Sebab, Akibat dan Solusi

bertempat di  
Hotel Pangeran, Pekan Baru  
Riau, Indonesia  
17 & 18 November 2015

BAHAWA sekumpulan ilmuwan Indonesia dan Malaysia telah bertemu di Pekan Baru, Riau, Indonesia, pada 17 & 18 November 2015, mengadakan satu diskusi meja bundar (round table discussion -- RTD) membincangkan masalah “Darurat Kabut Asap: Sebab, Akibat dan Solusi”.

RTD ini diadakan sebagai reaksi para ilmuwan kedua negara ekoran terjadinya darurat kabut asap dampak daripada kebakaran hutan dan lahan di kawasan Riau, Sumatera Selatan, dan beberapa kawasan di Kalimantan, Indonesia.

Ilmuwan yang terlibat dengan RTD ini bersepakat dan bersetuju:

1. Bahawa kabut asap yang wujud sejak lebih duapuluh tahun lampau adalah kerana kebakaran hutan, lahan dan perkebunan yang terjadi di Indonesia dan Malaysia.
2. Diduga bahawa sebahagian besar kabut asap adalah dampak daripada kebakaran hutan, perkebunan dan lahan yang tidak disengajakan atau disengajakan oleh berbagai pihak yang berkepentingan yang bertujuan menyediakan lahan baru bagi perusahaan perkebunan kelapa sawit dan bagi penanaman pokok untuk kegunaan perusahaan membuat kertas. Kebakaran ini melibatkan tanah yang sangat luas di Indonesia.
3. Diduga bahawa perusahaan perkebunan kelapa yang sedia ada di mana tanaman kelapa sawitnya sedang mengeluarkan hasil di Indonesia boleh dianggap sebagai satu industri penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Indonesia. Perusahaan perkebunan kelapa sawit yang sudah matang ini turut merupakan penyebab kepada terjadinya kabut asap jika mereka mengamalkan kaedah pengurusan perkebunan yang tidak "sustainable".
4. Diduga bahawa petani kecil-kecilan yang terlibat membakar hutan dan lahan adalah sedikit bilangannya dan tidak menjadi penyebab yang signifikan kepada kewujudan darurat kabut asap.
5. Bahawa sebab terjadinya kabut asap amat perlu didekati daripada berbagai perspektif, termasuklah ekonomi, politik, governans dan birokrasi, hukum, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.
6. Bahawa, soal sebab dan solusi kabut asap kepada yang dibangkitkan dalam RTD ini adalah seperti berikut:

- a. Terdapat pihak yang terjebak dalam motif ekonomi, investasi dan sebagainya kerana mementingkan keuntungan yang agak keterlaluan sehingga keizinan terus diberikan kepada perusahaan perkebunan untuk membuka lahan baru dengan yang melibatkan membakar hutan.
- b. Terperangkap dalam sistem governans, birokrasi dan pembahagian autoritas pemerintahan Negara dan Provinsi berkaitan dengan perhutanan, pertanian, perusahaan, lingkungan dan kategori lahan yang belum harmoni.
- c. Terkeliru oleh sistem hukum dan peraturan berkaitan dengan kementerian perhutanan, pertanian, lingkungan dan sebagainya yang belum harmoni.
- d. Terdapat hukum dan peraturan yang membolehkan kebakaran dilakukan oleh pengusaha perkebunan.
- e. Kurang penguatkuasaan hukum dan peraturan yang relevan yang menyebabkan perusahaan dan anggota masyarakat tidak merasa takut dihukum jika ditangkap melakukan pembakaran.
- f. Belum wujud budaya prihatin (kepedulian) terhadap nasib masyarakat setempat dan negara lain yang menderita kerana kabut asap dalam kalangan pihak perusahaan perkebunan sawit dan pulp.
- g. Belum wujud budaya prihatin (kepedulian) dalam kalangan masyarakat pendalaman terhadap bahaya pembakaran dan kabutasap;
- h. Diduga bahawa walaupun sudah terbentuk pengetahuan dan pemahaman saintifik yang mendalam dan mencukupi mengenai karakter tanah gambut dan cara pengurusannya yang terbaik untuk tujuan dijadikan lahan pertanian dan untuk

mengelakkan kebakaran, namun hal ini belum dimanfaatkan sepenuhnya.

- i. Belum terdapat SOP dan audit kepatuhan berkaitan dengan persiapan yang terbaik untuk menghadapi kebakaran hutan dan darurat kabut asap.
  - j. Belum bersedia secukupnya menghadapi fenomena El Nino dan perubahan iklim dunia dalam konteks pengurusan hutan dan lahan.
  - k. Belum terbentuk kesadaran dan kepatuhan terhadap konvensyen berkaitan isu persekitaran yang telah digubal oleh badan-badan antarabangsa.
7. BAHAWA kerjasama antara negara Indonesia dan Malaysia dalam bidang ekonomi, khususnya dalam perusahaan perkebunan sawit amat perlu dipertingkatkan, terutamanya berkaitan dengan investasi pemodal dan kawalan terhadap syarikat dalam industri perkebunan sawit di Indonesia.
8. BAHAWA peserta RTD ini merasa sangat prihatin dan peduli akan nasib masyarakat yang terganggu dengan serius oleh kabut asap ini, dan dengan ini bersetuju untuk meneruskan kerjasama keilmuan melibatkan ilmuwan Indonesia dan Malaysia dalam berbagai bidang ilmu.
9. BAHAWA solusi dan langkah tindakan yang terperinci akan disiapkan dalam masa terdekat untuk dikemukakan kepada pihak yang relevan di Indonesia dan Malaysia.

Ditanda tangani di Pekan Baru pada 18 November 2015.

**Prof. Tan Sri Zakri Abdul  
Hamid**

Pengerusi Majlis Profesor Negara  
(Malaysia)  
Pengerusi RTD

**Prof. Dr. H. Detri Karya**

SE. MA (UIR) Riau, Indonesia  
Rektor Universitas Islam Riau  
Pengerusi Bersama RTD

**Peserta Indonesia**

1. Prof. Dr. H. Detri Karya SE. MA (UIR) Riau, Rektor Universitas Islam Riau
2. Prof. Dr. M. Hadin Muhjad SH. MH. (UNLAM) Banjarmasin
3. Prof. Dr. Bambang Hero (IPB) Jawa Barat
4. Prof. Dr. Fahri Ahmad. M.sc Sumatra Barat
5. Prof. Ir. Adrizal M.Sc.PhD. (UNJA) Jambi
6. Dr. Haris Gunawan (UR) Riau
7. Dr. Heriamariaty (Univ. Palangkaraya) Kalimantan Tengah
8. Dr. Syahrul Akmal Latif. M.Si (UIR) Riau
9. Dr. Mardiansyah Kusuma. Sp.Ok. Ikatan Dokter Indonesia Cabang Pekanbaru
10. Prof. Gusti Z. Anshari. PhD, Universitas Tanjungpura.

**PESERTA MALAYSIA**

1. Prof. Tan Sri Zakri Abdul Hamid  
Pengerusi MPN

2. Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose  
Setiausaha Agung MPN & Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
3. Prof. Dr. Kamaruddin M.Said  
Timbalan Setiausaha Agung MPN & Pengarah Penyelidikan
4. Puan Hazizah Wahab  
Ketua Pegawai Operasi (COO)
5. Prof. Dr. Ghizan Saleh  
Ketua Kluster Pertanian dan Makanan
6. Prof. Emeritus Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili  
Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar
7. Prof. Dr. Rita Mohamed  
Kluster Pertanian dan Makanan
8. Prof. Dr. Jalani Sukaimi  
Kluster Pertanian dan Makanan
9. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif  
Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan
10. Prof. Dr. Jamal Othman  
Kluster Ekonomi dan Pengurusan
11. Prof. Dr. Mohamed Rehan bin Karim  
Kluster Kejuruteraan, Teknologi dan Alam Bina
12. Prof. Madya Dr. Mohd Hisham Mohd Kamal  
Kluster Governan, Perundangan an Pengurusan Awam

Deraf: Kamaruddin M. Said  
[Kamaruddinsaid1988@gmail.com](mailto:Kamaruddinsaid1988@gmail.com)